

MAKLUMAT KANDUNGAN PORTAL KBS

JABATAN / BAHAGIAN / AGENSI : **IMPACT INTEGRATED**

FAQ

BAHASA MALAYSIA

1. Apa itu Impact Integrated?

Impact Integrated adalah sebuah agensi pemangkin strategik untuk dan di bawah bidang kuasa Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Sebagai sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) yang didorong oleh impak dan bukan berkeuntungan, Impact Integrated mempunyai tiga bidang tumpuan iaitu belia, sukan elektronik dan media merentasi beberapa jenama utama; Impact Malaysia, Rakita 107.9, Esports Integrated, Spacerubix, dan mySukan TV.

2. Apakah produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Impact Integrated kepada umum?

Impact Integrated menawarkan kepakaran dalam strategi mencipta program dan inisiatif yang menarik dan berimpak tinggi bersama kumpulan belia sasaran. Selain itu, Impact juga menawarkan kepakaran dalam penganjuran acara, perkhidmatan media, penerbitan video dan kandungan serta banyak lagi.

3. Bagaimana untuk berkolaborasi dengan Impact Integrated?

Impact Integrated amat mengalu-alukan kolaborasi daripada semua pihak dalam pelbagai sektor khususnya syarikat swasta dan korporat. Sekiranya anda mempunyai sebarang idea kolaborasi yang melibatkan belia dan sukan khususnya esports, anda boleh menghubungi kami di sales@impact.my.

4. Apa itu Impact Malaysia?

Impact Malaysia adalah inisiatif impak sosial di bawah Impact Integrated (sebuah agensi pemangkin strategik di bawah KBS) yang memberdayakan

belia untuk menjadi pencipta perubahan melalui pelbagai aktiviti pembangunan kapasiti, dana, projek impak sosial, kolaborasi, dan komunikasi strategik.

5. Adakah Impact Malaysia ada menawarkan sebarang dana untuk belia?

Dana Impact adalah pembiayaan berjumlah antara RM 5,000 - RM 10,000 untuk pelaksanaan projek impak dalam komuniti mereka. Para peserta perlu terlebih dahulu menyertai program Akademi Impact sebelum melalui proses pitching untuk mendapatkan dana ini.

6. Bagaimana untuk berkolaborasi dengan Impact Malaysia?

Impact Malaysia amat mengalu-alukan kolaborasi daripada syarikat-syarikat dalam pelbagai sektor, bukan sahaja NGO, tetapi juga swasta. Sekiranya anda ingin berkolaborasi dengan kami untuk mencipta program atau kempen berimpak tinggi melibatkan belia, anda boleh menghubungi kami di connect@impact.my atau sales@impact.my.

7. Apa itu Esports Integrated?

Esports Integrated (ESI) - satu inisiatif di bawah Impact Integrated untuk memangkin ekosistem esports yang bertenaga, mampan dan inklusif di Malaysia melalui penciptaan dan pelaksanaan struktur yang dinyatakan dalam Pelan Strategik Pembangunan Sukan Elektronik KBS 2020-2025.

8. Apakah peranan Esports Integrated?

Esports Integrated (ESI) merupakan peneraju dan pelaksana bersama jabatan dan agensi KBS yang lain seperti Majlis Sukan Negara (MSN) dan Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) bagi program-program dan inisiatif-inisiatif yang telah digariskan di bawah Pelan Pembangunan Strategik Sukan Elektronik KBS 2020-2025. Skop-skop di bawah ESI merangkumi penganjuran acara (i.e Malaysia Esports Festival), pembangunan platform (i.e esukan.gg), esports hub (i.e ESI Hub), pertandingan (i.e Malaysia Esports Championship, Malaysia Esports League), advokasi (i.e Sembang Game Talk Show, Dokumentari Jalur 14), serta sokongan buat pemain dan industri.

9. Apakah jenis pertandingan yang dianjurkan di bawah Esports Integrated?

Peringkat profesional - Malaysia Esports Championship

Peringkat amatir dan semi pro - Malaysia Esports League

Peringkat akar umbi dan setempat - ESI Challenge

10. Adakah KBS mempunyai hab esports tersendiri?

Ya, ESI Hub telah dilancarkan pada 20 April 2022 di Spacerubix, Puchong. Selain itu, MSN bersama-sama dengan Persatuan Sukan Elektronik negeri juga telah mewujudkan 12 studio hab negeri.

11. Bagaimana untuk berkolaborasi dengan Esports Integrated?

Esports Integrated mengalu-alukan kerjasama daripada syarikat dalam pelbagai sektor. Jika anda mempunyai sebarang idea kerjasama yang melibatkan inisiatif esports, sila hubungi kami di hey@esportsintegrated atau hantarkan DM ke halaman media sosial @esportsintegrated di Facebook, Twitter, Instagram, TikTok atau YouTube.

Rakita

12. Apa itu Rakita?

Lebih daripada sebuah stesen radio, Rakita merupakan jenama media infotainment serba platform yang direka khas untuk menjadi suara belia Malaysia yang kurang mendapat perhatian dengan berkongsi bakat mereka, pemikiran, dan pendapat. Rakita mula beroperasi pada 8 Januari 2019. Sejak itu, Rakita telah membangunkan dan memperluas platform media 360-nya dengan harapan menjadi suara belia Malaysia dengan berkongsi bakat mereka, pemikiran, pendapat, meningkatkan kesedaran awam, dan meningkatkan minat mereka terhadap gaya hidup yang progresif dan positif dengan penyampaian yang berpaksikan belia.

13. Siapakah audiens dan pengikut Rakita?

Audiens dan pengikut Rakita terdiri daripada mereka yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun dan tertumpu di Lembah Klang.

14. Apakah jenis perkhidmatan yang ditawarkan oleh Rakita?

Rakita menawarkan kepakaran dalam penerbitan kandungan dan video yang berpaksikan belia dan senario muzik indie untuk format kegunaan televisyen, radio, Facebook, Instagram, TikTok, Twitter, Youtube, Podcast, dll.. Kami juga menawarkan peluang pengiklanan dan tajaan program dan segmen menerusi platform Rakita seperti Carta Indie Kita, Lokalah Chart Show, Suara Lit, Malam Rakita, Crunchtime, Viewfinder, Dapgak, Kontrol dan banyak lagi. Selain itu, Rakita juga menawarkan sewaan studio rakaman dan penerbitan audio.

15. Bagaimana untuk mengiklan atau menaja segmen di Rakita?

Rakita mengalu-alukan jenama dan syarikat termasuk badan-badan kerajaan dalam pelbagai sektor untuk menyiarkan iklan atau menaja segmen di radio atau platform digital kami. Sekiranya anda berminat untuk mengiklan dan menaja segmen di Rakita, sila hantarkan e-mel ke sales@impact.my.

16. Apa itu mySukan TV?

mySukanTV ialah platform media untuk sukan akar umbi dan bakat di Malaysia melalui penstriman langsung acara sukan, berita sukan dan penerbitan kandungan video.

17. Bagaimana untuk memohon perkhidmatan siaran langsung acara sukan secara percuma atau berbayar di mySukan TV?

Sekiranya anda berminat untuk memohon slot siaran langsung di mySukan TV, sila hantarkan e-mel ke sales@impact.my.

18. Apakah program-program yang diterbitkan oleh mySukan TV?

i) *mySukan Live* adalah program siaran langsung acara sukan menerusi platform digital mySukan iaitu laman web mysukan.tv dan Facebook Live mySukan TV.

ii) *mySukan Bytes* adalah siri video pendek yang menampilkan atlet-atlet sukan khususnya bakat akar umbi untuk memberi kesedaran kepada orang ramai dan mencetus inspirasi kepada generasi akan datang.

iii) *mySukan Hangout* adalah program bual bicara santai tentang sukan bersama atlet-atlet tanah air.

iv) *mySukan News* adalah program rangkuman berita sukan mingguan yang diterbitkan setiap minggu.

19. Bagaimana untuk mengiklan atau menaja segmen di mySukan TV?

mySukan TV mengalu-alukan jenama dan syarikat termasuk badan-badan kerajaan dalam pelbagai sektor untuk menyiarkan iklan mereka atau menaja segmen di platform digital kami. Jika anda mempunyai sebarang idea kerjasama yang melibatkan sukan dan bakat akar umbi, sila hubungi kami di sales@impact.my.

20. Apa itu Spacerubix?

Spacerubix adalah sebuah hub komuniti setempat yang terletak di Puchong, lengkap dengan kemudahan mesyuarat/ seminar/ persidangan, aktiviti riadah dan sukan serta ruang acara dan penginapan yang kos efektif. Spacerubix terletak di Taman Perindustrian Puchong, 47100 Selangor (Berdekatan dengan Stesen LRT Taman Perindustrian Puchong).

21. Bagaimana cara untuk kami membuat tempahan futsal? Ketersediaan gelanggang dan harga setiap jam?

Anda boleh bertanya dan menempah sesi untuk *Indoor* dan *Outdoor Court* melalui panggilan telefon atau Whatsapp di 016 363 3044 (WNZ Sports Arena).

22. Bagaimana cara untuk saya membuat tempahan acara/ majlis?

Selain tempahan gelanggang, anda boleh bertanya dan menempah ruang acara di Spacerubix dengan *Sales Team* kami melalui panggilan telefon atau Whatsapp di 011 5413 2660. Anda juga boleh membuat hantaran email ke sales@impact.my.

23. Apakah jenis ruang acara yang tersedia di Spacerubix?

Pada masa ini terdapat 6 jenis ruang yang boleh disewa, ESI Hub yang mana terletak di ESI Grand Hall. Boleh memuatkan antara 160 - 200 orang tempat duduk dengan susunan teater, sesuai untuk pelancaran, *townhall*, konsert mini dan kejohanan e-sukan. Sementara ESI Hub mempunyai beberapa bilik serbaguna, bilik latihan e-sukan, bilik konsol PS dan ruang istirahat untuk VIP. Lanai Santai dan Cerebro pula dapat menampung sehingga 50 orang

yang pada kebiasaannya digunakan untuk acara persendirian seperti *team building*, persidangan atau mesyuarat. Turut tersedia di Spacerubix ialah *Indoor* dan *Outdoor Courts* untuk kegunaan aktiviti sukan seperti Futsal, Bola Jaring, Bola Tampar, *Floorball* dan Bola Keranjang.

24. Adakah kelengkapan dan lain-lain perkakas acara termasuk dalam sewaan?

Bergantung kepada ruang acara yang disewa, hampir kesemua sewaan ruang acara termasuk dengan kelengkapan seperti kerusi dan meja *banquet* (kuantiti terhad). Ada daripadanya termasuk dengan sistem audio dan projektor, ada pula yang akan dikenakan caj tambahan ke atas sebarang penggunaan kelengkapan/ perkakas acara.

25. Apakah fasiliti lain yang terdapat di Spacerubix?

Kita juga lengkap dengan lot parkir percuma di dalam kompleks (kuantiti terhad), surau, kafe dan tandas untuk pengunjung.

26. Adakah terdapat sebarang jenis pengangkutan awam untuk ke Spacerubix?

Ya, Stesen LRT Taman Perindustrian Puchong yang terdekat dengan kompleks kami juga dilengkapi dengan susur gajah berbumbung dari stesen terus ke Spacerubix.

BAHASA INGGERIS

1. What is Impact Integrated?

Impact Integrated is a strategic catalyst agency for and under the purview of the Ministry of Youth and Sports (KBS). As an impact-driven, non-profit company limited by guarantee (CLBG), Impact has three focus areas namely youth, esports and media across several flagship brands; Impact Malaysia, Rakita 107.9, Esports Integrated, Spacerubix, and mySukan TV.

2. What are the products and services offered by Impact Integrated to the public?

Impact Integrated offers expertise in the strategy of creating attractive and high-impact programs and initiatives with target youth groups. In addition, Impact also offers expertise in event organizing, media-buying services, video and content production and more.

3. How to collaborate with Impact Integrated?

Impact Integrated welcomes collaboration from companies in various sectors. If you have any collaboration ideas involving youth and sports, especially esports, you can contact us at sales@impact.my.

4. What is Impact Malaysia?

Impact Malaysia is a social impact initiative of Impact Integrated, an agency under the purview of the Ministry of Youth and Sports. Impact Malaysia empowers youth to become changemakers through various capacity-building activities, funds, social impact projects, collaborations and strategic communications.

5. What are the products and services offered by Impact Integrated to the public?

Impact Integrated offers expertise in the strategy of creating attractive and high-impact programs and initiatives with target youth groups. In addition, Impact also offers expertise in event organizing, media-buying services, video and content production and more.

6. How to collaborate with Impact Malaysia?

Impact Malaysia welcomes collaboration from companies in various sectors. If you have any collaboration ideas involving the youths, please contact us at sales@impact.my or connect@impact.my.

7. What is Esports Integrated?

Esports Integrated (ESI) - an initiative under Impact to catalyse a vibrant, sustainable and inclusive esports ecosystem in Malaysia through the creation and implementation of structures stated inside KBS's Strategic Plan for Esports Development 2020-2025.

8. What are Esports Integrated's roles?

Esports Integrated (ESI) is the leader and implementer together with other KBS departments and agencies such as the National Sports Council (MSN) and the National Youth and Sports Department (JBSN) for the programs and initiatives that have been outlined under the Electronic Sports Strategic Development Plan KBS 2020-2025. The scopes under ESI include event organization (i.e Malaysia Esports Festival), platform development (i.e esukan.gg), esports hub (i.e ESI Hub), competitions (i.e Malaysia Esports Championship, Malaysia Esports League), advocacy (i.e Sembang Game Talk Show, Jalur 14 Documentary), as well as support for players and the industry.

9. What are the esports tournaments organised by Esports Integrated?

Professional level - Malaysia Esports Championship

Amateur and semi pro level - Malaysia Esports League

Grassroots and local level - ESI Challenge

10. Does KBS have its own esports hub?

Yes, ESI Hub was launched on 20 April 2022 at Spacerubix, Puchong. In addition, MSN together with the State Esports Association has also established 12 state hub studios.

11. How to collaborate with Esports Integrated?

Esports Integrated welcomes collaboration from companies in various sectors. If you have any collaboration ideas involving esports initiatives, please contact us at hey@esportsintegrated.com or send a DM to @esportsintegrated social media pages on Facebook, Twitter, Instagram, TikTok or YouTube.

12. What is Rakita?

More than just a radio station, Rakita is a multiplatform infotainment media brand tailored specifically to become the voice of underserved Malaysian youth by sharing their talents, thoughts and opinions. Rakita started broadcasting on the 8th of January 2019. Since then Rakita has developed and grown its 360 media platform in hopes of becoming the voice of underserved Malaysian youths by sharing their talents, thoughts, opinions,

raising public awareness and enhancing their interests towards a progressive and positive lifestyle with a youth-centric delivery. Rakita broadcasts in Bahasa Malaysia and English.

13. Who are the Rakita's audience?

Rakita's audience and followers consist of those between the ages of 15 and 40 and are concentrated in the Klang Valley and Kuala Lumpur.

14. What are the services offered by Rakita?

Rakita offers expertise in the production of youth-centric content and videos and the indie music scene for formats used on television, radio, Facebook, Instagram, TikTok, Twitter, Youtube, Podcasts, etc.. We also offer advertising opportunities and sponsorship of programs and segments through the Rakita platform such as Carta Indie Kita, Lokalah Chart Show, Suara Lit, Malam Rakita, Crunchtime, Viewfinder, Dapgak, Kontrol and many more. In addition, Rakita also offers recording and audio production studio rentals.

15. How to run your ads or sponsor a segment on Rakita?

Rakita welcomes brands and companies in various sectors to advertise or sponsor segments on our radio and digital platforms. If you are interested in advertising and sponsoring a segment on Rakita, please contact us at sales@impact.my.

16. What is mySukan TV?

mySukanTV is a media platform for grassroots sports and talents in Malaysia through Livestreaming, Sports News Updates and Video Content.

17. How to apply for free or paid live sports broadcast service on mySukan TV?

If you are interested in applying for a live broadcast slot on mySukan TV, please send an email to sales@impact.my.

18. What are the programmes produced by mySukan TV?

i) mySukan Live is a live broadcasting program of sporting events through the mySukan digital platform, which is the mysukan.tv website and Facebook Live mySukan TV.

ii) mySukan Bytes is a short video series that features sports athletes, especially grassroots talent, to bring awareness to the public and inspire audience.

iii) mySukan Hangout is a casual talkshow program about sports with the athletes of the country.

iv) mySukan News is a weekly sports news summary program published every week.

19. How to run your ads or sponsor a segment on mySukan TV?

mySukan TV welcomes brands and companies in various sectors to run their ads or sponsor a segment on our digital platforms. If you have any collaboration ideas involving grassroots sports and talents, please contact us at sales@impact.my.

20. What is Spacerubix?

Spacerubix is Klang Valley's most vibrant community space located in Puchong, with amenities for meetings, sports, fitness, events and cost-effective lodging. Spacerubix is located in Taman Perindustrian Puchong, 47100 Selangor (near Taman Perindustrian Puchong LRT Station).

21. How do we make booking for futsal court? Availability and price p/hour?

You inquire and make a booking for the indoor and outdoor court via call or whatsapp at 016 363 3044 (WNZ Sports Arena).

22. How do I make a booking for my event?

You inquire and make a booking with our Sales team for other spaces in Spacerubix via call or whatsapp at 011 5413 2660. Alternatively you could also email us at sales@impact.my.

23. What are the types of spaces available in Spacerubix?

Currently there are 6 types of spaces available for rent, ESI Hub which is where the **ESI Grand Hall** is located. The can fit between 160 - 200 pax theater style seating, usually for launches, townhall, mini concerts and esports tournaments. Whilst **ESI Hub** has several multipurpose rooms, esports training rooms, PS console room and a lounge for VIP. **Lanai Santai**

& **Cerebro** which can accommodate up to 50 pax usually for private events such as team building, conferences or meetings. **Indoor & Outdoor Court** for sports activities such as futsal, netball, volleyball, floorball and basketball.

24. Are the furniture and other event equipment included in the rental?

Depending on the space you are renting, all spaces will include chairs and banquet tables (limited quantity), some may include sound system and projector, while others may require additional charges for certain items.

25. What other facilities are there at Spacerubix?

We have free parking within the complex (limited quantity) , surau, cafe, and toilet for visitors.

26. Is there any public transport to get to Spacerubix?

Yes, the nearest LRT station to our complex is Taman Perindustrian Puchong, there is a covered walkway from the station straight to Spacerubix.